

15/04/1998

Malaysia cadang guna yen lebih meluas

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedang berusaha menggunakan yen dengan lebih meluas lagi sebagai mata wang bagi bayaran penjelasan untuk mengelak pergantungan keterlaluan terhadap dolar Amerika.

Dalam temuramah di Kuala Lumpur oleh wakil akhbar harian Jepun, Mainichi Shimbun, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata beliau sudah mengarahkan supaya nisbah yen dalam rizab asing negara ditingkatkan.

Menurut Perdana Menteri pergantungan penuh terhadap dolar Amerika adalah sebahagiannya penyebab krisis mata wang Asia dan menambah adalah penting bagi sektor swasta negara ini untuk menggunakan yen bagi bayaran penjelasan perdagangan.

Kira-kira 74 peratus eksport Malaysia dijelaskan melalui penggunaan mata wang Amerika itu, kata akhbar harian terbabit, dengan hanya dua peratus menggunakan yen.

Dalam temuramah itu yang dipetik semula oleh agensi media, AFP, semalam, Dr Mahathir melahirkan sokongan untuk rancangan mewujudkan sistem antarabangsa bagi mengawasi spekulasi perdagangan dalam usaha mencegah satu lagi krisis mata wang di rantau ini.

Sementara itu, penganalisis di Malaysia menganggap pengurangan pergantungan kepada dolar Amerika adalah wajar.

Ketua penganalisis di SJ Securities, Ahmad Faiz Khairuddin, berkata dalam keadaan ekonomi semasa, langkah untuk mengurangkan terlalu bergantung kepada dolar Amerika itu memang tepat pada masanya.

Malah katanya, penggunaan yen sesuai memandangkan nilainya yang lemah sekarang yang lebih memberi manfaat kepada ringgit.

"Sebelum ini, pemimpin Asean pun bersetuju untuk menggunakan mata wang masing-masing bagi perdagangan sesama sendiri. Kaedah ini lebih praktikal jika semua negara anggota melaksanakannya," katanya.

Beberapa pakar ekonomi lain ketika dihubungi juga menyarankan supaya Malaysia mengurangkan kaedah penjelasan perdagangan dalam dolar Amerika tetapi sebaliknya mempelbagaikan kepada mata wang lain seperti yen.

"Ini akan dapat mengurangkan tekanan ke atas ringgit. Bayangkan, lebih 70 peratus eksport Malaysia dijelaskan melalui penggunaan dolar Amerika. Kita perlu mempelbagaikan penggunaan mata wang supaya jika sesuatu mata wang itu naik terlalu kukuh, kita selamat.

"Langkah mempelbagaikan mata wang itu akan lebih mengimbangkan keadaan walaupun satu atau dua mata wang lain naik secara mendadak," kata ahli ekonomi kanan di TA Securities, Anthony Dass.

Bagaimanapun, seorang pakar ekonomi tempatan pula lebih skeptikal mengenai saranan menggunakan yen bagi penyelesaian perdagangan kerana kedudukan yen yang semakin lemah berbanding dolar Amerika.

Kelmarin, yen jatuh ke paras 129 berbanding satu dolar Amerika dan kemungkinan ia ditambat pada paras 130 berikutan campur tangan Bank of Japan (BOJ) yang berusaha melindungi mata wang Jepun itu.

"Dulu pada pertengahan 1980-an, yen naik mendadak menyebabkan banyak syarikat tempatan membayar balik hutang yang diterbitkan dalam yen, berlipat kali ganda. Langkah terbaik ialah mengimbangkan penggunaan mata wang yang pelbagai," katanya.

(END)